

# Berita KUKUM

## LAWATAN CANSELOR KUKUM KE EROPAH 31 HB MAC- 10 HB APRIL, 2006

Satu delegasi dari KUKUM telah membuat lawatan ke Eropah dari 31hb Mac hingga 10hb April 2006. Delegasi terdiri daripada Canselor KUKUM iaitu DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, Rektor KUKUM, Y. Bhg. Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Timbalan Rektor (Penyelidikan & Inovasi), Y. Bhg. Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal dan Pegawai Tadbir (Pengantarabangsaan), Puan Nur Isyalliena Ishak.

Tujuan lawatan tersebut adalah untuk menjalin hubungan Akademik dan Penyelidikan (R&D) dengan universiti di Sepanyol dan Greece. Di samping itu, delegasi juga telah mengadakan lawatan ke Pameran 34th International Exhibition of Inventions of New Techniques and Products di Geneva. Antara perkara yang diperbincangkan semasa lawatan ke universiti- universiti di Sepanyol dan Greece adalah seperti membincangkan kemungkinan untuk mendapatkan tempat yang sesuai untuk staf akademik dan bukan akademik KUKUM untuk menyambung pengajian di peringkat MSc. Dan PhD. Kemungkinan menghantar staf KUKUM ke Eropah untuk penempatan sabbatical juga ditinjau. Selain itu, perkara lain ialah untuk mendapatkan staf akademik yang bersesuaian untuk dilantik sebagai pensyarah, kontrak, pakar akademik kunjungan, pemeriksa luar dan penasihat kepada program ijazah di KUKUM.

Tidak ketinggalan delegasi juga membincangkan kerjasama penyelidikan yang boleh direalisasikan dan memperolehi maklumat lanjut tentang peluang latihan yang dapat dijalankan dan mengkaji kesesuaian strategi dan organisasi yang dilaksanakan di pusat penyelidikan di sana. Di samping itu juga, delegasi sempat meninjau kesesuaian untuk melaksanakan program pertukaran pelajar dan staf antara universiti.

Universiti dan pameran yang telah dilawati adalah seperti Universitat Politecnica de Catalunya (UPC), Barcelona, Spain, Universidad Politecnica de Madrid (UPM), Madrid, Spain, University of Athens, Greece, Technological Education Institute of Piraeus, Greece, Technological Education Institute of Athens, Greece dan 34th International Exhibition of Invention of New Technique And Products di Geneva, Switzerland.

### *i) Universitat Politecnica de Catalunya (UPC), Barcelona, Spain*

Lawatan ke UPC telah diadakan pada hari Isnin (3hb April 2006). Pembentangan mengenai UPC telah dibentangkan kepada delegasi daripada KUKUM. KUKUM juga tidak ketinggalan untuk menyampaikan pembentangan mengenai KUKUM melalui video korporat.

Pelbagai fasiliti makmal untuk tujuan pengajaran dan penyelidikan telah dilawati. Antara lain juga fasiliti untuk kegunaan pelajar (seperti kafeteria, mesin potostat dan binding) adalah sangat kondusif dan mudah digunakan. Peralatan makmal adalah di antara yang terkini dan yang paling penting kerjasama di antara staf UPC serta antara universiti dan institusi penyelidikan lain dilihat sangat baik dan erat. UPC mengamalkan Sistem Erasmus Mundus yang bertujuan untuk menjalinkan kerjasama di antara Negara Eropah dan negara-negara lain sama ada di dalam pertukaran pelajar dan juga bidang-bidang lain. Di samping itu, delegasi juga dibawa melawat ke 'Supercomputing Centre' iaitu salah satu makmal yang canggih yang terdapat di situ.

### *ii) Universidad Politecnica de Madrid (UPM), Madrid, Spain*

Lawatan hari berikutnya adalah ke UPM pada hari Selasa (4hb April 2006). Perjalanan ini mengambil masa lebih kurang 2 jam dari Barcelona dengan menaiki kapal terbang.

Antara makmal yang dilawati adalah makmal mikroelektrik, makmal mekatronik, makmal autonomi dan makmal robotik. Mengikuti Mr. Ramon Galan Lopez, mereka lebih menekankan penyelidikan yang lebih kepada aplikasi dan penghasilan produk, berbeza dengan pendidikan universiti yang menekankan aspek penyelidikan fundamental dan applied. Salah satu projek yang dijalankan oleh pelajar di UPM adalah projek menghasilkan latihan permainan ping pong yang cuma memerlukan seorang sahaja pemain untuk membuat latihan.

Di UPM, KUKUM berjaya menjalin kerjasama yang lebih erat dengan menandatangani MOU kerjasama di dalam pelbagai bidang.

